



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

FORUM PERDANA EHWAL ISLAM SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2014

KUALA LUMPUR, 6 Februari 2014 – Sempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2014, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PPKB) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menganjurkan program Forum Perdana Ehwal Islam yang bersiaran secara langsung di RTM1 dari Padang Kelab Sultan Sulaiman, Kampong Bharu, Kuala Lumpur. Forum Perdana ini turut dihadiri oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan serta kira-kira 5000 orang warga Wilayah Persekutuan.

2. Sempena dengan SHWP 2014, pelbagai program kemasyarakatan dianjurkan untuk warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Forum Perdana Ehwal Islam yang dianjurkan pada hari ini merupakan Forum Perdana yang pertama kali diadakan bersempena dengan SHWP. Topik utama bagi Forum Perdana ini adalah bertajuk **Penipu Akidah** dan **Pemuda Yang Dirindui Rasulullah SAW**. Moderator bagi Forum Perdana ini adalah Prof. Madya Dr. Mohd Ridhuan Tee bin Abdullah, manakala panel adalah Ustaz Mohammad Kazim Elias dan Imam Muda Muhammad Asyraf bin Mohd Ridzuan.

3. Penganjuran program yang berunsur keagamaan dan kerohanian seperti ini adalah untuk menggalakkan penyertaan warga kota keseluruhannya termasuk golongan remaja, belia dan dewasa dalam program atau majlis ilmu berbentuk keagamaan dan mengupas permasalahan atau isu semasa umat Islam yang semakin meruncing untuk mencari penyelesaiannya.

4. Adalah diharapkan melalui penganjuran program kerohanian sempena SHWP 2014 pada kali ini akan dapat merangsang seluruh warga Wilayah Persekutuan agar dapat seiringan dengan kerajaan dalam bersama-sama membentuk sahsiah diri yang tinggi dalam memperkuatkannya lagi akidah umat Islam ke arah perpaduan ummah yang seterusnya melahirkan rasa sayang dan cinta terhadap Wilayah Persekutuan dengan lebih mendalam.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

6 Februari 2014